



LENSA

# USAHAWAN



Edisi 2/2016 | PERCUMA

[www.risda.gov.my](http://www.risda.gov.my)

INFO USAHAWAN BIMBINGAN RISDA



## USAHAWAN RISDA SERTAI KARNIVAL USAHAWAN DESA PERINGKAT NEGERI SARAWAK



JEJAK USAHAWAN JAYA

# MENJANA USAHAWAN GLOBAL

Jejak  
Usahawan  
Jaya



# DARI MEJA KETUA PENGARANG

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera!*

Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadirat Ilahi kerana dengan limpah izin dan kurniaNya jua dapat kita bertemu lagi dalam ruangan ini.

Buletin 'Lensa Usahawan' ini bertujuan untuk menjadi sumber maklumat, informasi dan rujukan kepada usahawan-usahawan baru serta orang ramai serta memaparkan kisah-kisah kejayaan usahawan.

Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada usahawan-usahawan yang berjaya dimuatkan ke dalam buletin keluaran kali ini. Juga terima kasih kepada warga RISDA yang telah bekerjasama member komitmen untuk menyumbang artikel penulisan mengenai kejayaan usahawan di negeri masing-masing. Tidak lupa juga kepada Sidang Editorial di Bahagian Pembangunan Usahawan yang telah berusaha gigih untuk menjayakan penerbitan buletin ini.

Akhir kata, adalah menjadi hasrat RISDA agar semua Usahawan Bimbingan RISDA terus maju dan berdaya saing serta dapat mencapai matlamat meningkatkan pendapatan keluarga Pekebun Kecil, Insya Allah.

## 'Menjana Usahawan Global'



Hajah Halimah binti Abd. Kadir

## EDITORIAL

Penaung

**Hj. Mohd. Najib bin A. Samad**

Penasihat

**Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin bin Wan Mohamad**

Ketua Pengarang

**Hjh. Halimah binti Abd. Kadir**

Editor

**Pn. Nor Elina binti Datuk Kamaruddin**

Sidang Pengarang

**En. Muhammad Hilmi bin Sulaiman**

**Pn. Jarinah binti Maarof**

**En. Mohammad Firdaus bin Zulkufli**

**Mohd Azman bin Hasan**

**En. Saiful Asyraffi bin Suhaimi**

**Pn. Nurulsyuhada binti Ahmad**

Jurufoto

**Abd. Malek bin Kassim**

**Nurulsyuhada binti Ahmad**

Kami mengalu-alukan sumbangan karya berbentuk penulisan kreatif, foto selain rencana mengenai aktiviti dan peristiwa berkaitan usahawan untuk dimuatkan di dalam Buletin ini yang akan diterbitkan secara dwi setahun. Sila hantarkan karya anda kepada:

Ketua Pengarang, Lensa Usahawan  
Bahagian Pembangunan Usahawan  
Tingkat 3, Bangunan RISDA KM 7,  
Jalan Ampang, Karung Berkunci 11067,  
50990 Kuala Lumpur  
Tel : 03- 4256 4022 Faks: 03-4256 7944  
Email:usahawan@risda.1govuc.my

## ISI KANDUNGAN

- 2 Kandungan Lensa Usahawan Bil. 2/2016
- 2 Dari Meja Ketua Pengarang
- 3 Karnival Usahawan Desa Negeri Serawak "Produk Rasa Citarasa Malaysia"
- 4 Cita-Cita Tanpa Sempadan
- 5 Produk Kopi Kampung Pak Mat, Aroma Harum Pikat Hati Pelanggan
- 6-7 Seni Pembuatan Kain Telekung Warisan Ibu
- 7 Perniagaan Jual Beli Getah Pilihan 2 Pesara Tentera
- 8 Graduan Siswazah Kejuruteraan Berubah Arah
- 9 Anak Lelaki Penyambung Legasi Keluarga
- 10 Pemasaran Dari Mulut Ke Mulut Bantu Lonjak Perniagaan
- 11 Bakti Disemai Bukti Dituai
- 12 Untuk Berjaya Bukan Mudah Tanpa Usaha, Keringat Dan Wawasan
- 13 Usahawan Gigih, Bengkel Besi Rambai
- 14-15 Sekitar Hari KUD Sarawak
- 16 Sarbat Soul Minuman Warisan, Herboost Minuman Kesihatan
- 17 Keputusan Berhenti Kerja Yang Berbaloi
- 18 Musibah Tidak Mematahkan Semangat
- 19 Semanis Nanas Tamparuli Sabah
- 20 Setiap Kesusahan Pada Permulaannya Ada Kesenangannya Diakhirnya
- 21 Berfikir Luar Kotak, Resepi Kejayaan
- 22 Sate D'Benua: Sate Warisan Keluarga
- 23 Perusahaan Perabot Menggunakan Kayu Hutan
- 24 Usahawan Daerah Kota Kinabalu di Sambut Pesta Kaamatan Peringkat Daerah Tamparuli
- 25 Percetakan Dan Pengiklanan Sumber Rezeki
- 26 10 Orang Usahawan Bimbingan RISDA Memecah Rekod Guinness World of Records!
- 27 Hari Peladang Penternak Dan Nelayan Peringkat Negeri Kedah (HPPNK) 2016





# KARNIVAL USAHAWAN DESA NEGERI SARAWAK, "PRODUK DESA CITARASA MALAYSIA"

OLEH : MUHAMMAD HILMI B SULAIMAN, BPU  
DIEDIT OLEH : NOR ELINA BT DATUK KAMARUDDIN, BPU

dan memartabatkan peroduk keluaran usahawan luar bandar, bagi memasarkan produk, menggalak penduduk luar bandar menceburi bidang usahawan peringkat desa dan pembangunan modal insan.

Program yang telah dihadiri seramai lebih daripada 100,000 orang pengunjung tersebut turut mempromosikan makanan-makanan dari Semenanjung Malaysia di booth tarikan pengunjung yang telah menganjurkan pelbagai aktiviti seperti Autoshow, Busker, Demo Masakan, persembahan nyanyian dan pertandingan seperti pertandingan karaoke, pertandingan tarian tradisional melayu, pertandingan gubahan bunga dan pertandingan booth usahawan terbaik yang menawarkan hadiah serta wang tunai yang lumayan. Para peniaga turut berpeluang menyertai eksplorasi niaga, bertemu pemain utama dalam bidang keusahawanan yang berkaitan dengan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta lebih enam syarikat akan terlibat dalam sesi 'Match2Match' (padanan perniagaan) dan empat slot menarik bersama penceramah jemputan yang terdiri daripada ikon, selebriti perniagaan dan usahawan muda. Sebanyak 20 agensi terlibat dalam karnival itu yang bertindak sebagai pusat sehenti bagi memberi maklumat terkini serta khidmat nasihat berkaitan keusahawanan antaranya SME Corporation, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) dan Design Development Center (DDEC).

KKLW turut mewujudkan hastag#KUDSARAWAK 2016 dan #lankeKUDSarawak2016 untuk tujuan promosi dan publisiti di media cetak, elektronik, sosial terutama dalam Facebook, Instagram dan Twitter.

Pada 15 hingga 17 April 2016 yang lalu telah berlangsung satu program Karnival Usahawan Desa (KUD) yang bertempat di Lapangan Terbang Lama, Bintulu, Sarawak. Program yang pertama kali diadakan di daerah Bintulu tersebut telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) pada 15 April 2016 pada jam 2.30 petang.

Menurut Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Alexander Nanta Linggi, karnival itu berlangsung dari jam 8 pagi hingga 10 malam dan merupakan penganjuran kali kedua di Sarawak selepas penganjuran Karnival Usahawan Mini di Tebingan Kuching pada 2014

KUD Sarawak tersebut telah mengetengahkan seramai 159 orang usahawan di bawah Agensi KKLW dengan penyertaan 20 orang usahawan RISDA dengan nilai jualan dan tempahan keseluruhan mencecah RM327,513.40 sepanjang majlis berlangsung. Pelbagai produk usahawan dari Sarawak dan usahawan dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan Sabah telah dipamer dan dijual antaranya produk kesihatan, kosmetik, kecantikan, aksesori, hiasan, pakaian, kraf tangan, seni dan budaya, makanan dan minuman, pertanian dan penternakan yang merangkumi lebih daripada 500 produk dan perkhidmatan

Objektif utama penganjuran KUD itu ialah untuk memperkenalkan, mempromosi



Program yang julung kali diadakan merupakan peluang dan ruang besar untuk usahawan di Sarawak berjaya memandangkan karnival itu akan memberi inspirasi dan motivasi kepada mereka mencontohi usahawan yang telah berjaya. KUD Peringkat Negeri Sarawak 2016 dengan tagline "Produk Desa Citarasa Malaysia" ternyata berjaya membantu usahawan Negeri Sarawak khususnya, dalam memperluaskan akses pasaran dan seterusnya membantu memartabatkan produk luar bandar melalui pelbagai gabungan strategi pemasaran dalam satu program.



PERINGKAT A  
Match @ rb

17 APRIL 2016  
LAPANGAN TERBANG LAMA  
BINTULU SARAWAK

# Cita-Cita TANPA SEMPADAN

OLEH : NORAFIDAH MOHD NAPIAH, PEJABAT RISDA DAERAH BALING  
DIEDIT OLEH : NOR ELINA BT DATUK KAMARUDDIN, BPU

## BIDATA USAHAWAN

NAMA USAHAWAN : NUR MAIZATUL NAJWA BT MOHD MARZUKI  
ALAMAT SYARIKAT : NURAMMAS ENTERPRISE  
NO.15, MEDAN SERBANEKA,  
09100, BALING, KEDAH  
NO.TEL : 013 400 9813 / 019 498 3110  
PENERIMA BANTUAN RISDA : BANTUAN AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN  
TAHUN 2014  
BIDANG PERUSAHAAN : PERKHIDMATAN  
PRODUK : JAHITAN PAKAIAN DAN LANGSIR  
TAHUN MULA PROJEK : 2013  
BILANGAN PEKERJA : 3 ORANG  
PENDAPATAN TAHUNAN : RM 54,000.00  
PENDAPATAN BULANAN : RM 4,500.00

Nurammas Enterprise mula beroperasi pada akhir tahun 2013. Bermulanya di rumah selepas tamat belajar di Giatmara Baling, Kedah dalam bidang *Fashion and Dressmaking* pada 1 Julai 2011 sehingga 31 Disember 2011 selama 6 bulan seterusnya menyambung kursus ke Institut Kemahiran Mara, Sungai Petani bagi sijil *Upholstery and Interior Decoration Technology* selama 2 tahun termasuk Latihan Industri.

Selepas beliau selesai menjalani Latihan Industri, tanpa menoleh kebelakang lagi, beliau mula menjahit dan mengambil tempahan tanpa henti. Dengan sebuah mesin jahit *highspeed* (jahit lurus) pada awal Januari 2014, beliau menyewa sebuah kedai untuk memulakan perniagaan dengan modal daripada bantuan keluarga serta simpanan sendiri.

Beliau sangat komited dan mempunyai kesungguhan di dalam bidang jahitan Langsir serta Pakaian. Oleh yang demikian, pihak RISDA Daerah Baling mencalonkan beliau sebagai penerima **Bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) 2014** sebanyak **RM 10,000.00**. Setelah memperolehi bantuan ini, beliau tidak lagi ke kedai lain untuk membuat jahitan tepi dan jahitan lain-lain kerana bantuan yang diterima telah melengkapkan segala keperluan untuk produk yang dihasilkan. Secara tidak langsung dapat membantu beliau dalam menjimatkan kos bahan mentah dan sebagainya. Tempahan langsir serta pakaian semakin meningkat selepas mendapat bantuan berbanding sebelum ini.

Apabila beliau mendapati tempahan semakin banyak dan meningkat dari hari ke hari, beliau telah memohon pinjaman daripada agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi menampung kapasiti pengeluaran dan bahan mentah. Pinjaman ini dapat mengembangkan lagi pengeluaran beliau dan mendapat sambutan daripada pelanggan sekitar Baling khususnya selain daripadanegeri Kedah, Perak dan Pulau Pinang.

Selain daripada jahitan pakaian, beliau mendapat tawaran untuk menjahit

dan memasang langsir bagi sekolah berasrama antaranya MRSM Lenggong dan MRSM Baling. Beliau juga mempunyai kepakaran dalam bidang hiasan dalaman, di mana beliau mendapat tawaran daripada pejabat kerajaan dan masjid-masjid untuk memasang dan membekal produk hasilan beliau.

Pada masa hadapan, beliau bercadang untuk mengembangkan perniagaan ini dengan membuka sebuah kedai hiasan dalaman yang pertama di Baling. Dalam usia yang begitu muda, beliau bercita-cita untuk membuka cawangan di tempat lain jika di beri peluang pengkhususan dalam bidang jahitan langsir.



# PRODUK KOPI KAMPUNG PAK MAT

*Aroma Harum Pikat Hati Pelanggan*

OLEH : MOHD AZMI BIN KOMARI, PEJABAT RISDA DAERAH SIK



Sebut tentang produk kopi kampung, ianya tidak asing lagi bagi kebanyakan orang. Kopi kampung amat popular di negeri-negeri di sebelah Utara dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia kerana rasa dan aromanya yang harum dan enak.

Penghasilan produk kopi serbuk yang diusahakan dengan gigih oleh Usahawan Bimbingan RISDA, Mohd Sabiah bin Kadir bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilakukan namun dengan semangat yang tinggi dan ingin berjaya di dalam perniagaannya telah membuah hasil akhirnya. Awal pembabitannya di dalam bidang perniagaan dilakukan secara kecil-kecilan. Mohd Sabiah bin Kadir ataupun lebih dikenali sebagai Pak Mat telah menjual Produk Kopi Kampungnya kepada penduduk di sekitar kampung namun pada mulanya tidak memberi pulangan yang tinggi.

Namun demikian pada tahun 2014, beliau telah membuat permohonan bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) di Pejabat RISDA Daerah Sik dan mendapat barangan keperluan asas berupa penimbang, kawah, meja kerja dan sealer oleh RISDA serta beliau banyak menghadiri kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak RISDA. Setelah itu, perniagaan beliau mula berkembang dan beliau mula mempromosi dan menjual produk kopi beliau dan hasilnya produk beliau mula dikenali ramai serta permintaan terhadap produk kopi



## BIODATA USAHAWAN

NAMA USAHAWAN	: MOHD SABIAH BIN KADIR
ALAMAT SYARIKAT	: KAMPUNG BELANTIK DALAM, 08210 SIK, KEDAH
NO.TELEFON	: 013 465 8191
PENERIMA BANTUAN RISDA	: BANTUAN AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN TAHUN 2014 BIDANG MAKANAN
RISDA	: PERUSAHAAN
PERUSAHAAN	: KOFI SERBUK
PRODUK	: 2000
TAHUN MULA PROJEK	: 1 ORANG
BILANGAN PEKERJA	: RM 36,000.00
PENDAPATAN TAHUNAN	: RM 3,000.00
PENDAPATAN BULANAN	

kampung semakin meningkat di seluruh negeri Kedah juga pasaran di sekitar daerah Alor Setar, Baling, Sungai Petani, Pulau Pinang dan kawasan di sekitar Kuala Lumpur mengikut tempahan pelanggan.

Tidak dinafikan mula perniagaan, beliau telah menghadapi pelbagai cabaran di dalam perniagaannya dek kerana kekangan modal yang terhad dan kos pemasaran yang tinggi dalam membangunkan perniagaan. Namun dengan kecekalan dan azam telah membuah hasil yang sangat lumayan. Perniagaan beliau kini sudah mula mendapat tempat di hati penggemar-penggemar produk kopi dan sering mendapat jemputan untuk menghadiri karnival yang dianjurkan oleh RISDA dan agensi kerajaan yang lain.



Setelah apa yang dikecapi pada hari ini, beliau tidak mahu berada dalam zon selesa kerana beliau berazam untuk mengembangkan lagi perniagaan beliau dan menjadikan perniagaan Produk Kopi Kampung Pak Mat dikenali di dalam dan luar negara. Semoga perniagaan Mohd Sabiah Bin Kadir sentiasa sukses dan sentiasa menjadi minat orang ramai.





# SENI PEMBUATAN KAIN TELEKUNG WARISAN IBU



OLEH : NORAFIDAH MOHD NAPIAH PEJABAT RISDA DAERAH BALING  
DIEDIT OLEH : NOR ELINA BT DATUK KAMARUDDIN, BPU

Warna telekung yang hendak dipakai terpulung pada diri individu itu sendiri, tetapi adalah sunnah menggunakan warna putih, kerana Rasulullah SAW menyukai pakaian yang warna putih (Tirmidzi, Ibnu Majah).

Permata Pertiwi Enterprise atau lebih dikenali dengan Telekung Kak Zah ditubuhkan pada tahun 2013 bagi menyambung dan meneruskan tradisi seni jahitan telekung yang kurang mendapat perhatian orang ramai. Hal ini kerana kurangnya pendedahan tentang seni pembuatan kain telekung kepada orang ramai. Kemahiran membuat telekung solat ini dipelajari dan

kemahiran ini diwarisi daripada ibunda tercinta, Hajah Buziah bt Che Had yang telah mengusahakan perniagaan tersebut sejak tahun 2005.

Kini, syarikat yang diterajui oleh Nurul Shafiqah bt Md Khamis merupakan satu kesinambungan perniagaan keluarga yang telah bertahan selama 10 tahun. Keistimewaan telekung keluaran beliau adalah kerana keselesaan telekung yang diperbuat daripada material jersey, cotton dan cotton polyester yang berkualiti tinggi serta amat selesa dan sesuai digunakan oleh pelbagai lapisan umur dan ditambah dengan pengalaman selama 4 tahun dalam bidang jahitan

## BIODATA USAHAWAN

NAMA USAHAWAN	: NURUL SHAFIQAH BINTI MD KHAMIS
ALAMAT SYARIKAT	: PERMATA PERTIWI ENTERPRISE SIMPANG 3, KAMPUNG CHAROK ROTAN EMAS, 09200, KUPANG, KEDAH
NO TELEFON	: 017 598 0810 / 011 2951 2471
EMAIL	: kakzahtelekung@gmail.com
PENERIMA BANTUAN RISDA	: BANTUAN AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN TAHUN 2016
BIDANG PERUSAHAAN	: PERKHIDMATAN
PRODUK	: TELEKUNG SOLAT
TAHUN MULA PROJEK	: 2005
BILANGAN PEKERJA	: 4 ORANG ( MAHIR )
PENDAPATAN TAHUNAN	: RM 46,800.00
PENDAPATAN BULANAN	: RM 3,900.00

Menurut beliau yang juga penerima bantuan AET 2016, telekung keluaran beliau juga terdiri daripada pelbagai warna yang menarik dan memenuhi kehendak semasa. Telekung kanak – kanak berumur dari 5 hingga 12 tahun turut dikeluarkan bagi menampung permintaan pelanggan yang mencari telekung kanak-kanak. Telekung keluaran Permata Pertiwi ini juga dinamakan Telekung An-Nur, Telekung Humaira dan Telekung Sofiya .

Kini Permata Pertiwi menjadi salah satu pembuat telekung solat muslimah dalam usaha mengekal dan mengembangkan lagi penggunaan telekung solat kepada



generasi baharu agar seni pembuatan dan kemahiran jahitan telekung ini tidak terpinggir dan dipandang sepi oleh generasi muda di samping mengikut peredaran masa bagi memenuhi kehendak dan keperluan pelanggan.

Selain berhadapan dengan kekurangan pekerja itu tidak menghalang usaha dan produktiviti syarikat dalam melaksanakan matlamat serta strategi organisasi ini. Syarikat ini mempunyai 4 orang pekerja mahir yang menjalankan banyak tugas penting dalam penghasilan sepasang telekung solat.

Nurul Shafiqah amat mementingkan kualiti hasil pengeluaran dengan mengawal kualiti, standard dan piawaian pengeluaran yang ditetapkan oleh syarikat supaya pengguna mendapat barangan yang bermutu tinggi selain meletakkan harga yang berpatutan bagi menjamin kepuasan pelanggan tidak kira pelanggan baru atau lama. Di samping itu, penggunaan mesin dan peralatan yang sesuai juga dititikberatkan agar produk yang dihasilkan kemas, cantik dan memenuhi piawaian pengeluaran produk.



Harapan beliau agar perusahaan telekung ini dapat dikembangkan lagi serta dapat menandingi produk telekung solat yang dikeluarkan oleh syarikat lain di Malaysia yang terkenal dan berjenama disamping meletakkan telekung ini di persada antarabangsa yang mampu menarik minat pembeli untuk membeli. Beliau juga berharap dapat meluaskan pasaran telekung solat ke seluruh dunia melalui keunikan Telekung Kak Zah dengan menjadikan medium internet sebagai satu langkah untuk meluaskan pasaran telekung ke seluruh dunia. Beliau juga sentiasa berusaha untuk mencapai matlamat dan meningkatkan produktiviti syarikat untuk memenuhi dan menampung permintaan telekung mengikut kehendak pasaran semasa.



## PERNIAGAAN JUAL BELI GETAH PILIHAN 2 PESARA TENTERA



OLEH : SITI ZANARIAH BINTI ROHAIZAD, PEJABAT RISDA NEGERI MELAKA  
DIEDIT OLEH : NOR ELINA BT DATUK KAMARUDDIN, BPU

### BIODATA USAHAWAN

NAMA USAHAWAN	: AZAFEN BIN AMIN
ALAMAT SYARIKAT	: NADI TERBILANG ENTERPRISE BATU 17 1/2, KG. AIR PASIR, DURIAN TUNGGAL, 76100 MELAKA.
NO TELEFON	: 013 361 6118
BIDANG PERUSAHAAN	: PERKHIDMATAN BELIAN GETAH
PENERIMA BANTUAN RISDA	: 1. DEPO BELIAN GETAH (2011) 2. TANAM SEMULA (2014) 3. AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN (2015)
TAHUN MULA PERNIAGAAN	: 2010
BILANGAN PEKERJA	: 3 ORANG
NILAI JUALAN TAHUNAN	: RM 1,166,934.20
NILAI JUALAN BULANAN	: RM 97,224.50

Perniagaan jual beli getah menjadi pilihan En Azafen bin Amin seorang bekas Pesara Tentera berpangkat Pegawai Waran II sejak tahun 2008 yang lalu. Memandangkan ketiadaan pembeli Melayu di kawasan kampung beliau di mana dipelopori oleh kaum Cina, berkat kesungguhan dan dorongan ahli keluarga beliau dan staf RISDA Selandar, kini beliau telah membuka satu Pusat Pengumpulan Getah Sekerap (DEPO) di kebun Tanam Semula Komersial Jangka Pendek (TSKJP) Rancangan Tanah Pinggir (RTP) Bukit Gondol, Mukim Jus, Selandar Melaka.

Depo belian beliau dibina pada tahun 2011 hasil daripada Bantuan RISDA melalui bantuan Depo Belian Getah sebanyak RM 25,000 dan modal dari wang persaraan.

Getah yang diperolehi dari orang kampung dijual di kilang berdekatan termasuk Kilang Palong di Negeri Sembilan dan mana-mana kilang yang menawarkan harga yang paling tinggi.

Usaha murni ini juga turut dibantu oleh seorang lagi adik beliau yang juga merupakan Pesara Tentera. Pada tahun 2016, beliau telah dianugerahkan Anugerah Usahawan Dinamik Peringkat Negeri Melaka Tahun 2016 oleh RISDA yang mengiktiraf usaha beliau sepanjang menjalankan perniagaan jual beli getah.

Walaupun bagaimanapun, perniagaan ini memerlukan modal pusingan yang besar dalam satu-satu masa. Pinjaman yang cepat tanpa birokrasi dan peraturan menjadi kesulitan kepada beliau. Adalah menjadi harapan beliau akan ada orang perseorangan yang berani melabur dalam perniagaan beliau pada masa akan datang.



# GRADUAN SISWAZAH KEJURUTERAAN BERUBAH ARAH

Kesakitan yang dialami oleh ayahnya membuatkan Nurul Farahin binti Mohd Nor, 26 tahun seorang bekas pelajar Jurusan Diploma Kejuruteraan Teknologi Makanan (UniKL) tidak mematahkan semangat anak muda ini bersama suaminya Mohamad bin Idris daripada terus berjaya digelar Usahawan Fertigasi Cili. Projek Fertigasi Cili yang dijalankan di belakang rumah beliau dengan keluasan 0.4 hektar telah mula beroperasi sejak 3 tahun yang lalu dengan tanaman Cili Api atau nama saintifiknya *Capsicum capsici* sp. Setelah tamat pengajian di usia 23 tahun, beliau mula meminati tanaman cili ini kerana terpaksa mencari kerja yang berdekatan kediaman memandangkan terpaksa menjaga bapanya yang terlantar sakit akibat penyakit Parkinson.

Pelbagai cabaran yang terpaksa ditempuhi sepanjang 3 tahun berkecimpung dalam perniagaan ini antaranya melayan karenah pemborong yang ingin mengaut keuntungan yang lebih dengan meletakkan harga yang rendah dari pasaran sebenar, musim kemarau, penyakit, perosak monyet dan pemasaran. Kemudian beliau telah bertukar jenis tanaman cili besar atau nama saintifiknya *Capsicum anum* sp.

Walaupun bagaimanapun, beliau bernasib baik kerana dipertemukan dengan seorang rakan yang mencadangkan beliau untuk memasarkan cili merahnya melalui Pusat Pengumpulan Hasil Ladang Hulu Langat (PPHLHL), Selangor yang bersedia membeli dengan harga yang tinggi iaitu

RM5/kg. Jangkaan musim kemarau kini yang akan berterusan sehingga tahun hadapan membuatkan harga cili merah boleh mencecah RM 18/sekilogram.

Pada tahun 2016, beliau telah menerima Bantuan Program Groom Big sebanyak RM 50,000 daripada RISDA yang bertujuan untuk menggalak, memupuk dan membangunkan usahawan PKS supaya mempunyai cita-cita tinggi untuk muncul sebagai entiti perniagaan besar, berdaya saing, berdaya maju dan berdaya tahan pada peringkat domestik dan global selain akan memberi manfaat kepada penduduk kampung sekitar dengan membuka peluang kerja kepada mereka.

OLEH : SITI ZANARIAH BINTI ROHAZAD  
PEJABAT RISDA NEGERI MELAKA  
DIEDIT OLEH : NOR ELINA BT DATUK KAMARUDDIN, BPU

#### BIODATA USAHAWAN

NAMA USAHAWAN	: NURUL FARAHIN B. MOHD NOR
ALAMAT SYARIKAT	: FARA ORGANIC ENTERPRISE (MAD195935-D) LOT 2127, KG BALIK BATU, TANJUNG BIDARA, 78300 MASJID TANAH
NO. TELEFON	: 06 384 4132 / 019 214 9394
PENERIMA BANTUAN RISD	: 1. BANTUAN AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN TAHUN 2015 2. BANTUAN USAHAWAN GROOM BIG 2016
BIDANG PERUSAHAAN	: PERTANIAN – TANAMAN FERTIGASI CILI
TAHUN MULA PERNIAGAAN	: 2012
BILANGAN PEKERJA	: 5 ORANG
NILAI JUALAN TAHUNAN	: RM 176,400.00
NILAI JUALAN BULANAN	: RM 14,700.00



# ANAK LELAKI PENYAMBUNG LEGASI KELUARGA

**OLEH: SITI ZANARIAH BINTI ROHAIZAD**  
**PEJABAT RISDA NEGERI MELAKA**  
**DIEDIT OLEH : NOR ELINA BT DATUK KAMARUDDIN, BPU**

Projek membuat dan membekalkan perabot telah diusahakan oleh En Shamsul bin Dawam sejak 15 tahun yang lalu secara kecil-kecilan di Solok Bukit Bayan, Bukit Katil, Melaka dengan bantuan 2 orang pekerja. Beliau aktif membuat perabot kabinet dapur, almari pakaian, kabinet pejabat, almari televisyen dan sebagainya.

Syarikat beliau juga merupakan syarikat Bumiputera sepenuhnya. Dengan adanya perkhidmatan ini, tidak hairanlah Pejabat RISDA Negeri Melaka melantik syarikat MD Shamsul Dawam Enterprise sebagai salah seorang pembekal peralatan perabot pejabat



Dengan bantuan perniagaan daripada RISDA, pendapatan bulanan beliau setakat ini telah meningkat daripada RM1,000.00 sebulan kepada RM 3,000.00 sebulan sekeluarga.

<b>BIODATA USAHAWAN</b>	
NAMA USAHAWAN	: MD. SHAMSUL B. DAWAM
ALAMAT SYARIKAT	: MD. SHAMSUL B. DAWAM ENTERPRISE KM 9, SOLOK BUKIT BAYAN, 75450 BUKIT KATIL, MELAKA
NO TELEFON	: 06 268 6164 / 012 639 6164
PENERIMA BANTUAN RISDA	: BANTUAN AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN TAHUN 2014 DAN 2016
BIDANG PERUSAHAAN	: PEMBUATAN - PERABOT
TAHUN MULA PERNIAGAAN	: 2000
BILANGAN PEKERJA	: 2 ORANG
NILAI JUALAN TAHUNAN	: RM 120,000.00
NILAI JUALAN BULANAN	: RM 10,000.00



Kerana usianya telah mencecah separuh abad, sedikit demi sedikit beliau telah menurunkan ilmu pertukangannya kepada anak lelaki beliau. Anak lelaki beliau juga tidak jemu dan menunjukkan minat yang tinggi untuk membantu perusahaan ayahnya. Tidak seperti anak-anak muda lain lepasan SPM, anaknya beruntung kerana tidak perlu mencari pekerjaan lain. Menjalankan perusahaan ini bukan sahaja memberi faedah dan keuntungan kepada beliau sekeluarga tetapi juga kepada penduduk tempatan





# PEMASARAN DARI MULUT KE MULUT BANTU LONJAK PERNIAGAAN

OLEH : SITI ZANARIAH BINTI ROHAIZAD  
PEJABAT RISDA NEGERI MELAKA  
DIEDIT OLEH : NOR ELINA BT DATUK KAMARUDDIN, BPU

Berbekalkan minat yang mendalam dalam bidang solekan mendorong seorang Kerani Pentadbiran di Universiti Multimedia Melaka (MMU), Puan Norashikin bt Kesot menceburkan diri dalam bidang Andaman dan Solekan Pengantin. Tempahan utama yang diterima adalah untuk majlis perkahwinan, pertunangan dan ada juga tempahan solekan untuk majlis makan malam. Akibat permintaan yang tinggi mendorong beliau untuk mencari lokasi yang sesuai untuk disewa. Lokasi perniagaan yang terletak di bangunan kedai Paya Dalam telah disewa olehnya dengan sewa bulanan sebanyak RM 500 sebulan. Kerana masih lagi bekerja di MMU, perniagaan beliau turut dibantu oleh adiknya sendiri.

Pelanggan beliau bukan sahaja daripada Melaka bahkan daripada negeri berhampiran seperti Selangor, Johor dan Pahang. Hasil solekan yang nampak semulajadi maka tidak hairanlah ramai pelanggan beliau datang ke kedai hasil daripada pemasaran promosi dari mulut ke mulut pelanggan yang pernah mendapat perkhidmatan solekannya.



Beliau yang merupakan anak pekebun kecil tidak melepaskan peluang untuk turut memohon bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) sebanyak RM 10,000 berupa pelamin pengantin, set pakaian pengantin lelaki dan wanita, kerusi pengantin, sofa, kasut dan aksesori dan impak daripada bantuan yang beliau dapat daripada RISDA ini telah menaikkan imej perniagaan beliau di mata masyarakat tempatan.

<b>BIDATA USAHAWAN</b>	
NAMA USAHAWAN	: NORASHIKIN BTE KESOT
ALAMAT SYARIKAT	: SHIKIN BRIDAL'S : NO. 7, JALAN TPD 1, TAMAN PAYA DALAM, 75460, MELAKA.
NO TELEFON	: 013 630 1548 / 013 610 1548
BIDANG PERUSAHAAN	: PERKHIDMATAN – ANDAMAN, SOLEKAN DAN PELAMIN
PENERIMA BANTUAN RISDA	: BANTUAN AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN TAHUN 2015
TAHUN MULA PERNIAGAAN	: TAHUN 2006
BILANGAN PEKERJA	: 1 PEKERJA TETAP & 4 SAMBILAN
NILAI JUALAN TAHUNAN	: RM 48,000.00
NILAI JUALAN BULANAN	: RM 4,000.00



# BAKTI DISEMAI BUKTI DITUAI

## BIODATA USAHAWAN

NAMA USAHAWAN : ZAMBRI BIN WAHID  
ALAMAT SYARIKAT : MENTAUS KRAF  
NO. 19, KG. MENTAUS,  
72400 SIMPANG DURIAN, JELEBU,  
NEGERI SEMBILAN.  
NO TELEFON : 019 668 5036  
PENERIMA BANTUAN RISDA : BANTUAN AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN  
TAHUN 2012  
BIDANG PERUSAHAAN : KRAFTANGAN - PEMBUATAN  
PARANG DAN BESI  
TAHUN MULA PERNIAGAAN : 2004  
BILANGAN PEKERJA : 4  
NILAI JUALAN TAHUNAN : RM 120,000.00  
NILAI JUALAN BULANAN : RM 10,000.00



OLEH : HJH NORLIJAH BINTI HJ HUSIN  
PEJABAT RISDA NEGERI SEMBILAN  
DIEDIT OLEH : NOR ELINA BT DATUK KAMARUDDIN, BPU



Hari ini, kata pepatah Melayu 'Ke Mana Tumpah Kuah, Kalau Tidak Ke Nasi' dan 'Bapa Borek Anak Rintik' terbukti sudah. Pengalaman En Zamri bin Wahid selama 20 tahun dalam pembuatan parang yang diwarisi dari Allahyarham bapanya menjadikan Kg. Mentaus, Simpang Durian, Jelevu, Negeri Sembilan terkenal di kawasan sekitar.

Usahawan jaya ini, anak pekebun kecil yang memiliki Sijil Juruteknik Perindustrian boleh merasa bangga meninggalkan pekerjaan makan gaji di Kuala Lumpur 20 tahun yang lepas dan pulang ke kampung untuk bekerja sendiri bagi memenuhi permintaan ayahandanya untuk menyambung warisan seni membuat parang dan sarung. bersyukur kerana ternyata bakti yang disemai ini bukti kini telah dituai. Beliau kini mempunyai sebuah bengkel berukuran 40' x 40' serta sebuah 'show room' berukuran 10' x 10' di Kg. Mentaus, Simpang Durian Jelevu, Negeri Sembilan,

30 km dari pekan Kuala Klawang, Jelevu, Negeri Sembilan.

Beliau memasarkan produknya ke kedai-kedai yang menjual parang, menyertai ekspo dan karnival serta melebarkan pasaran secara maya (online). Hasil tangannya kini telah melangkaui ke luar negara apabila beliau juga mendapat tempahan melalui laman web: <http://zamri-tukangparang.blogspot.com>. Pendapatan bulanan beliau adalah dalam lingkungan RM 5000 – RM 10,000 bergantung kepada permintaan dalam pasaran.

Produk parang pelbagai saiz mengikut permintaan pelanggan, keris dan lain kraf kayu dan besi dijenamakan dengan nama Mentaus Crafts telah diberi pengiktirafan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia apabila beliau diberi



Penghargaan Khas: Tukang Ulung pada Hari Kraf Kebangsaan Tahun 2012.

Bekalan besi diperolehi daripada pembekal manakala kayu untuk hulu parang diperolehi dari hutan tropika berdekatan kampungnya yang dihuni oleh orang asli di kaki gunung sepanjang Banjaran Titiwangsa yang merupakan pembekal utama bahan tersebut. Beliau sekarang mampu menggaji empat orang pekerja anak tempatan dan memberi tunjuk ajar kepada mereka untuk menjadi pelapis bagi menerokai bidang ini

Beliau adalah penerima Bantuan AET RISDA pada tahun 2012 sebanyak RM 10,000.00 dan selain RISDA, beliau juga mendapat bantuan dari KEMAS dan Kraftangan Malaysia. Semoga usaha beliau akan menjadikan seni warisan tradisional tetap unggul selamanya.



**BIODATA USAHAWAN**  
NAMA USAHAWAN : AMINAH BINTI ISMAIL  
ALAMAT SYARIKAT : ISTIQAMAH BARAKAH ENTERPRISE  
NO.99 KAMPUNG SUNGAI SETING,  
JELI, KELANTAN  
NO TELEFON : 019-9127658  
PENERIMA BANTUAN RISDA : BANTUAN PWPK PADA TAHUN 2006  
(BENGGEL)  
BIDANG PERUSAHAAN : MAKANAN (REMPEYEK)  
TAHUN MULA PERNIAGAAN : 2006  
BILANGAN PEKERJA : 4 ORANG  
NILAI JUALAN TAHUNAN : RM 60,000.00  
NILAI JUALAN BULANAN : CRM 5,000.00



## UNTUK BERJAYA BUKAN MUDAH TANPA USAHA, KERINGAT DAN WAWASAN



OLEH : SHAHRUL HISHAM BIN MOHAMED, PEJABAT RISDA NEGERI KELANTAN  
DIEDIT OLEH : NOR ELINA BT DATUK KAMARUDDIN, BPU

Mempunyai latarbelakang sebagai seorang pekebun kecil dan petani kampung yang tidak mempunyai asas perniagaan sepertimana usahawan - usahawan lain yang berjaya, Pn Aminah binti Ismail, 47 tahun yang berasal daripada Kampung Sungai Seting, Jeli, Kelantan ialah satu nama yang terkenal di sekitar daerah Jeli khususnya dalam bidang makanan ringan.

Istiqamah Barakah Enterprise ditubuhkan pada tahun 2006 dan beliau terkenal dengan produk makanan ringan dan antara produk yang dihasilkan ialah rempeyek kacang tanah, rempeyek ikan bilis berempah, kerepek lemak manis, pelbagai aneka biskut dan banyak lagi produk yang dihasilkan oleh beliau.

Di peringkat permulaan perniagaan, beliau menghadapi pelbagai masalah dan rintangan antaranya kekurangan modal. Dengan modal permulaan sebanyak RM 100.00 sahaja hasil daripada kerja kampung dan menoreh, beliau hanya memperolehi pendapatan kasar RM 700.00 sebulan. Selain daripada kekangan modal, beliau juga menghadapi masalah dari segi pembungkusan dan pemasaran.

Dengan kata lain, pelanggannya tidak berminat dengan bungkusuan makanan ringan beliau dan di sesetengah tempat tidak berminat dengan produk yang dihasilkan oleh beliau.

Tanpa mengenal erti putus asa, beliau meneruskan usahanya dengan melibatkan diri dalam program-program anjuran RISDA di bawah program Pergerakan Wanita Pekebun Kecil (PWPK) di kampungnya. Daripada situ, beliau mendapat tunjuk ajar daripada ahli-ahli PWPK yang lain dan tenaga pengajar daripada kalangan Pegawai RISDA. Di samping itu, beliau selalu menghadiri kursus anjuran RISDA dan antara kursus yang pernah beliau hadiri adalah Kursus Pemasaran, Kursus Perakaunan dan Kursus Perlabelan

Pada tahun 2006, beliau telah menerima bantuan daripada RISDA melalui PWPK iaitu sebuah bengkel dan pada masa yang sama beliau dapat menambah hasil produk selain meluaskan pasaran. Pada masa itu, produk yang dihasilkan hanya dipasarkan sekitar Jeli sahaja antaranya di stesen minyak, kedai kopi dan kedai runcit.

Sekarang, dengan 4 orang pekerja, beliau mengusahakan makanan ringannya di samping suami beliau yang sering membantu khususnya dalam kerja-kerja pemasaran. Kini, beliau dapat menambah hasil produkannya memandangkan permintaan yang banyak daripada negeri sekitar. Pemasaran beliau sekarang lebih meluas bukan sahaja di Kelantan bahkan di negeri-negeri lain antaranya Kedah, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang

Beliau kini mampu memperolehi pendapatan purata di antara RM4,000 hingga RM5,000 sebulan dan beliau bertekad untuk meluaskan lagi pemasaran beliau dengan mula memasarkan produknya melalui internet iaitu di laman sosial facebook, instagram dan sebagainya.

Beliau juga pernah menerima anugerah pada tahun 2010 dan berjaya meraih tempat pertama dalam pertandingan Industri Asas Tani Kategori Makanan Ringan bagi produk Kuih Kapit sempena Expo Pertanian Peringkat Negeri Kelantan



OLEH: **BADRUL HISHAM BIN MOHAMED YUSOFF**  
 PEJABAT RISDA NEGERI PERLIS  
 DIEDIT OLEH: **NOR ELINA BT DATUK KAMARUDDIN, BPU**

# USAHAWAN GIGIH, BENGKEL BESI RAMBAI

<b>BIODATA USAHAWAN</b>	
NAMA USAHAWAN	: KAMAROL ANNUAR BIN KHAMIS
NAMA & ALAMAT SYARIKAT	: BENGKEL BESI RAMBAI 22, KAMPONG RAMBAI, JALAN PADANG SIDING, 02600 ARAU, PERLIS.
NO TELEFON	: 019 407 3147
PENERIMA BANTUAN RISDA	: BANTUAN AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN TAHUN 2013 (RM 10,000.00) DAN TAHUN 2016 (RM 10,000.00)
BIDANG PERUSAHAAN	: PERKHIDMATAN - PEMBUATAN KIMPALAN BESI
TAHUN MULA PROJEK	: TAHUN 2013
BILANGAN PEKERJA	: 6 ORANG
PENDAPATAN TAHUNAN	: RM 120,000.00
PENDAPATAN BULANAN	: RM 10,000.00

Semangat gigih anak seorang pekebun kecil, Kamarol Annuar bin Khamis telah membuktikan pepatah Melayu "Dimana ada kemahuan, disitu ada jalan". Lebih dikenali dengan panggilan Annuar dan juga merupakan seorang ahli Kelab Generasi Pekebun Kecil RISDA (KGMR).

Pemuda berumur 35 tahun dari Kampung Rambai, Arau, Perlis kini boleh berbangga dengan pencapaiannya selepas hampir 5 tahun menjalankan perkhidmatan kimpalan besi.

Kisah kejayaan pemuda, ayah kepada 2 orang cahaya mata bermula pada tahun 2013 apabila dia berhasrat untuk meningkatkan pendapatan serta mencari modal untuk membeli peralatan-peralatan terkini dalam bidang kimpalan besi.

Pada tahun 2013, beliau telah mendapat bantuan dalam bentuk peralatan sebanyak RM10,000.00 di bawah program Bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) dan diikuti pada tahun 2016 sebanyak RM 10,000 bagi pembelian alatan.

Dengan semangat gigih, beliau telah membeli sebuah lori untuk mengangkut produk yang dihasilkan untuk dibawa terus kepada pelanggan. Setakat kini, beliau mempunyai 6 orang pekerja tempatan yang berpengalaman untuk membantu beliau.

Beliau bersyukur kerana perusahaan kimpalan besi kini telah mendapat sambutan dikalangan penduduk tempatan dan pengorbanan beliau selama ini berbaloi. Malah, beliau juga bersyukur kerana mendapat bantuan dan sokongan daripada agensi kerajaan khususnya menerusi RISDA. Pada tahun 2015, beliau telah dianugerahkan sebagai Usahawan Muda Kelab Generasi Muda RISDA Tahun 2015.

Menurutnya, syarikat perniagaan Besi Rambai yang ditubuhnya turut mengekalkan jualan pelbagai jenis reka

betuk buatan besi. Sehingga hari ini, pasaran perniagaan beliau semakin meluas dengan menerima pelbagai tempahan daripada penduduk sekitar

"Semasa hendak memulakan peniagaan dulu, saya terpaksa berhutang untuk membeli alat yang tak seberapa dan mengumpul modal sedikit demi sedikit."

"Alhamdulillah, berkat kegigihan dan sokongan semua pihak termasuk keluarganya, perniagaan Besi Rambai berada pada tahap sekarang. Namun masih banyak perlu saya pelajari" ujar beliau.

Bengkel Besi Rambai merancang untuk mengembangkan lagi perniagaan dengan menambah bilangan mesin bagi meningkatkan pengeluaran lagi urusan pemasaran serta jualan.



# SEKITAR HARI KUD S



Encik Mohd Azman Bin Hasan memberikan taklimat berkaitan Pameran dan Jualan kepada semua usahawan yang terlibat di KUD Sarawak 2016.

RASML..Patu oleh YB Dato' YB Datuk



REZEKI..HAZIAH Popia Simpul sedang melayan pengunjung dalam mempromosi dan menjual popia simpul mereka.



LAWAT..Lawatan YB Datuk Alexander Nanta Linggi ke booth Agensi RISDA.



SIAP..Deretan Booth Usahawan Bimbingan RISDA yang menempatkan seramai 21 orang usahawan bersedia menerima kunjungan orang ramai.



TARIKAN... Persembahan buskers tempatan mengiringi pe 2016 dengan alunan lagu yang terkini menarik ram

# ARAWAK



Yang di-Pertua Dewan Undangan Sarawak menandakan perasmian Mini KUD Sarawak 2016 yang disempurnakan oleh Datuk Amar Haji Awang Tengah Bin Ali Hasan Menteri Muda Sarawak diiringi oleh Menteri Besar Sarawak, Datuk Seri Ismail Sabri Bin Yaakob Menteri Kemajuan Luar Bandar & Wilayah bersama Menteri Kanan Sarawak, Datuk Alexander Nanta Linggi Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar & Wilayah.



**BERUSAHA..** Ketua Pengarah RISDA bersama Pengarah RISDA Sarawak, Pengarah Bahagian Pembangunan Usahawan dan Timbalan Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat, orang kuat di sebalik tabir penganjuran KUD Sarawak 2016.



**RASA..** YB Menteri Kemajuan Luar Bandar & Wilayah mencuba rasa popia simpul yang di usahakan oleh Usahawan Bimbingan RISDA yang berpangkalan di Samarahan.



**DEKAT DI HATI..** Kraf Bunga Daun Getah tidak dapat dipisahkan dengan Usahawan Bimbingan RISDA antara yang dijual di KUD Sarawak 2016.



Perjalanan KUD Sarawak menarik perhatian pengunjung.



**TERBAIK..** Timbalan Pengarah RISDA Negeri Sarawak menunjukkan isyarat 'thumbs up' bergambar kenangan bersama para pemenang booth tercantik sempena KUD Sarawak 2016.



**BIDATA USAHAWAN**  
**NAMA USAHAWAN** : NOR IDAWATI BT MAD ISA  
**ALAMAT SYARIKAT** : PROFIT MAKMUR ENTERPRISE  
 NO. 2518, MUKIM 8 JALAN HUTAN LIPUR,  
 14300, NIBONG TEBAL,  
 SEBERANG PERAI SELATAN,  
 PULAU PINANG  
**NO.TELEFON** : 018 949 6962  
**EMAIL** : profitmakmur.ent@gmail.com  
**PENERIMA BANTUAN RISDA** : BANTUAN AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN  
 TAHUN 2016  
**BIDANG PERUSAHAAN** : MINUMAN KESIHATAN  
**TARIKH MULA PROJEK** : 2014  
**BILANGAN PEKERJA** : 2 ORANG  
**PENDAPATAN TAHUNAN** : RM48,000.00  
**PENDAPATAN BULANAN** : RM4,000.00

# SARBAT SOUL MINUMAN WARISAN, HERBOOST MINUMAN KESIHATAN

 OLEH: MARDHIAH BINTI MEIR SAIF, PEJABAT RISDA NEGERI PULAU PINANG

Apabila disebut air sarbat, ramai terbayang minuman warisan nenek moyang yang menjadi pilihan untuk berbuka puasa terutama ketika bulan Ramadhan selain menghilangkan dahaga serta menyegarkan tubuh pada musim panas. Jika sebelum ini, air sarbat hanya dijual di warung kedai tepi jalan di bazar Ramadhan, kini dibotolkan dan sekaligus dimodenkan untuk terus berfungsi sebagai minuman penyejuk badan dan kesihatan.

Pemilik syarikat Profit Makmur Enterprise, Pn Nur Idawati Mat Isa 36 tahun, yang juga peserta Bantuan AET Tahun 2016 Pejabat RISDA Negeri Pulau Pinang, berkata produk minuman keluaran syarikat Sarbat Soul dibotolkan supaya mudah dibawa ke mana sahaja dan dapat dinikmati dengan segera pada bila-bila masa. Sarbat Soul berbeza dengan produk lain di pasaran atau yang dijual di warung yang perlu dibancuh terlebih dahulu dan perlu dihabiskan segera, malah ia sesuai mengikut peredaran masa kerana masih mengekalkan ramuan serta bahan asalnya. Menurut beliau

juga Sarbat Soul yang dihasilkannya itu menggunakan ramuan yang bersih malah dibancuh dengan teliti serta berkualiti. Sebanyak 15 rempah dan herba terpilih digunakan untuk menghasilkan Sarbat Soul. Ia berbeza dengan sarbat biasa kerana ramuan yang dihasilkan mengandungi pelbagai khasiat antaranya boleh memperbaiki 'mood' dan hormon, mulut berbau, sakit gigi, gusi dan sakit penat.

Sebelum menghasilkan Sarbat Soul, syarikatnya menghasilkan minuman suplemen kesihatan yang dinamakan Herboost menggunakan pelbagai pokok herba seperti belalai gajah, beluntas, sambung nyawa dan kunyit untuk memberi 1001 khasiat kepada pengguna katanya, yang memulakan perniagaan dengan modal RM 6,000. Antara kebajikannya ialah merawat kencing manis, darah tinggi, penyakit jantung, sembelit, buah pinggang, kolestrol selain melancarkan

haid, keradangan, batuk dan sinus yang juga sesuai untuk semua golongan sama ada lelaki atau perempuan dan tidak mengira peringkat umur.

Sarbat Soul 330 ml dijual pada harga RM2.20 hingga RM2.50 sebotol sementara Herboost 250ml hanya RM28.00 sebotol

Beliau berkata dalam strategi pemasaran, beliau mempromosikan produk di pasar raya, kedai kosmetik, toko jamu, stesen minyak, Hentian Rawat Dan Rehat (R&R), kilang, lapangan terbang dan sekitar Pulau Pinang. Beliau juga sedia menerima tempahan untuk sebarang majlis rasmi bagi menyediakan Sarbat Soul.





# KEPUTUSAN BERHENTI KERJA YANG BERBALOI



OLEH : NOR ELINA BT DATUK KAMARUDDIN, BPU



## BIODATA USAHAWAN

NAMA USAHAWAN	: AMIRRUDIN BIN ALIAS
ALAMAT SYARIKAT	: ARAF MAJU ENTERPRISE PT 12154 JLN FIKRI 2/17, KG. PAYA BERENJUT. 24000 KEMAMAN
NO TELEFON	: 017 961 0006
EMAIL	: arafmaju@yahoo.com.my
BIDANG PERUSAHAAN	: MAKANAN PROSES (KEROPOK KEPING)
PENERIMA BANTUAN RISDA	: BANTUAN AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN TAHUN 2015
TAHUN MULA PERNIAGAAN	: 2003
BILANGAN PEKERJA	: 6 ORANG
NILAI JUALAN TAHUNAN	: RM 180,000.00
NILAI JUALAN BULANAN	: RM 15,000.00

Tahun 2003 telah menjadi titik tolak dalam kehidupan En Amirrudin bin Alias dimana beliau telah mengambil keputusan untuk berhenti kerja dan memulakan perniagaan keropok yang dibeli daripada penjual sekitar Kuala Terengganu dan diedarkan ke kedai-kedai dan pasaraya dengan menggunakan jenama sendiri. Keropok yang telah siap dibungkus, dihantar dengan menggunakan lori 1 tan yang dibeli sendiri untuk memudahkan urusan penghantaran.

Namun pada tahun 2007, beliau mula memproses keropok sendiri di dalam bengkel kecil di tapak yang disewa dan

pasaran pada waktu itu ialah di pasaraya sekitar Kemaman dan Kuantan.

Tahun 2010 telah menjadi titik tolak dimana beliau memutuskan untuk membina sebuah bengkel di atas tanah kerajaan dengan modal perbelanjaan sebanyak RM 150,000.00 termasuk peralatan memproses keropok. Sepanjang 4 tahun beroperasi di tempat baru tersebut, beliau mampu memperluaskan lagi pasaran beliau sehingga ke Kuala Lumpur dan Johor serta menerima banyak tempahan daripada syarikat persendirian di Kuala Lumpur untuk dipasarkan dan pulangan yang beliau perolehi amat lumayan selain mendapat manfaat yang besar untuk penduduk sekitar.

Diiktiraf sebagai Usahawan berjaya Negeri Terengganu mewakili Pejabat RISDA Kemaman Tahun 2016, beliau menerima bantuan daripada RISDA melalui Bantuan AET pada tahun 2015 dalam bentuk peralatan berjumlah RM 10,000.00 dan Bantuan AET 2016 untuk menaik taraf bangunan sebanyak RM 5,000.00 dan ini dapat menambahkan pengeluaran produk, kuantiti yang dihasilkan dan menjimatkan tenaga serta kos pekerja.

Perancangan masa depan beliau ialah untuk mempelbagaikan produk beliau dengan penghasilan makanan sejuk beku berbentuk fish ball/fish cake, isi ikan) dan pengubahsuaian bengkel yang berhawa dingin supaya perniagaan beliau akan lebih berkembang maju di masa hadapan.



# MUSIBAH TIDAK MEMATAHKAN SEMANGAT



OLEH : MOHAMMAD FARIS BIN AB DOLLAH, PEJABAT RISDA BAHAGIAN MIRI

Kesempatan yang ada di sebalik kesibukan sebagai seorang Pengarah Bahagian Pembangunan Usahawan tidak menghalang Puan Hj. Halimah bt. Abd. Kadir untuk turun padang bersama-sama memantau pelaksanaan projek peserta Bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) di Bintulu, Sarawak.

Pn. Rusta bt. Kunchang, penerima Bantuan AET Tahun 2016 bagi projek jahitan dan sulaman amat berbesar hati menerima kunjungan daripada pihak RISDA yang turut disertai oleh En. Abdul Aziz bin Awang (Timbalan Pengarah RISDA Negeri Sarawak), Pn. Siti Hajrah bt. Mohamed Gaus (Penyelaras Usahawan Negeri Sarawak) serta En. Raif bin Ahamad (Timbalan Pegawai RISDA Bahagian Miri).

Mengimbas kembali pada tahun 1995, kediaman beliau pernah musnah dalam satu kebakaran yang besar sehingga menyebabkan beliau dan keluarga terpaksa menumpang di rumah kakak ipar. Bermula dari situlah beliau membantu kakak ipar menjahit pakaian yang ditempah oleh pelanggan ditambah

dengan minat dan kemahiran yang ada dalam bidang jahitan di samping keperluan untuk membantu meningkatkan pendapatan keluarga. Beliau telah membeli mesin jahit sendiri pada tahun 2008 dengan pinjaman daripada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Tempahan yang diterima daripada pelanggan sangat menggalakkan khususnya pada musim perayaan di mana pada waktu tersebut, pendapatan beliau boleh mencecah RM4,000 sebulan.

Pada bulan Mac 2016, Puan Rusta telah menerima satu unit mesin jahit sulam komputematik jenama Brother, satu unit mesin jahit lurus industri serta perkakas jahitan daripada pihak RISDA dengan nilai bantuan AET berjumlah RM10,000.

Hasrat beliau selama ini yang sememangnya mengimpikan untuk memiliki sendiri mesin jahit sulam tercapai. Dengan adanya bantuan daripada RISDA, beliau telah dapat mempelbagaikan produk jahitan dengan menerima tempahan menjahit logo jabatan / agensi, lencana sekolah dan sulaman pada pakaian wanita khususnya



## BIODATA USAHAWAN

NAMA USAHAWAN	: RUSTA BT KUNCHANG
ALAMAT SYARIKAT	: ROSSFULL & SONS ENTERPRISE PARKCITY COMMERCE SQUARE NO. 147, LOT 3433, JALAN TUN AHMAD ZAIDI 97000 BINTULU, SARAWAK
NO. TEL	: 013 575 6435 / 019 888 1476
PENERIMA BANTUAN RISDA	: BANTUAN AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN TAHUN 2016
BIDANG PERUSAHAAN	: PERKHIDMATAN - JAHITAN & SULAMAN
TAHUN MULA PROJEK	: TAHUN 2009
PENDAPATAN TAHUNAN	: RM 8,376.00 (SEBELUM BANTUAN - TAHUN 2015)
PENDAPATAN BULANAN	: RM RM2,000

baju kurung, kebaya, jubah dan juga sulaman pada kain tudung.

Dalam sesi lawatan tersebut, Pengarah BPU RISDA turut memberikan kata-kata semangat dan dorongan kepada Puan Rusta agar terus maju ke hadapan dalam bidang jahitan yang diceburi. Beliau turut berharap agar suatu hari nanti beliau mampu untuk memiliki kedai jahitan sendiri dan tambahan beberapa orang pekerja untuk meluaskan lagi perusahaan jahitan dan sulaman.



# SEMANIS NANAS TAMPARULI SABAH



OLEH : MOHAMED HATTA JAMIL, PEJABAT RISDA DAERAH KOTA KINABALU



Daerah Tamparuli, Sabah cukup terkenal dengan industri tanaman Nanas. Menurut laporan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia, negeri Sabah menyumbang sebanyak 14,952 MT pengeluaran nanas bagi tahun 2015. Simpun Rangkanggui, 52 Tahun daripada Kg. Tomis Baru, Tamparuli, Sabah merupakan salah seorang pekebun kecil dan usahawan RISDA yang telah menjalankan industri ini.

Simpun Rangkanggui mempunyai tanah bertanam getah di bawah Program Tanam Semula RISDA dengan keluasan 5.095 hektar, dan kira-kira separuh daripada luas tersebut telah diintegrasikan dengan tanaman nanas. Penduduk Kg. Tomis Baru, Tamparuli telah mula menanam tanaman nanas ini secara turun temurun sejak hampir 30 tahun lalu. Bagi Simpun Rangkanggui pula, beliau mula menceburi industri tanaman nanas ini pada tahun 2007.

Pada awalnya, keluasan tanaman nanas di kebun milik beliau hanyalah seluas 2 ekar, Walaupun dengan kekurangan sumber dan faktor geografi tanah di Kg. Tomis Baru yang berbukit bukau, beliau tetap giat menjalankan penanaman nanas di

kebun miliknya. Hari demi hari, keluasan tanaman nanas yang diusahakan beliau semakin membesar. Kini, kira-kira 30,000 pokok nanas berjaya ditanam di kebun milik beliau.

Melihatkan kepada usaha berterusan Simpun Rangkanggui, RISDA telah memberi pakej bantuan di bawah Program Aktiviti Ekonomi Tambahan dalam bentuk input pertanian pada awal tahun 2016. Menurut beliau, pakej bantuan ini telah meningkatkan keberhasilan tanaman nanas di kebun milik beliau kira-kira 30% melalui input pertanian yang telah diberikan. Sepanjang bergiat di dalam industri ini juga, beliau telah menghadiri beberapa kursus berkaitan tanaman nanas anjuran MARDI Sabah. Dengan pakej bantuan, pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi itu, beliau kini secara purata mampu mengeluarkan sebanyak 2,400Kg / bulan dengan pendapatan sehingga RM 6,000.00 sebulan. Ekoran kejayaan itu, kebun milik beliau dan beberapa kebun contoh lain di Kg. Tomis Baru telah menerima lawatan Pegawai daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada 21 Mac 2015.

Berjaya dalam industri hulu ini, Simpun Rangkanggui tetap memegang hasrat untuk memperluaskan industri tanaman nanas ini hingga ke peringkat hiliran. Beliau dan beberapa pengusaha tanaman nanas dari Kg. Tomis Baru, Tamparuli berazam untuk mengeluarkan produk berasaskan nanas di masa hadapan, dan menembusi pasaran yang lebih luas lagi. Pastinya, pihak RISDA Daerah Kota Kinabalu khususnya akan sentiasa bekerjasama dengan usahawan seumpama beliau, dalam misi membentuk masyarakat pekebun kecil yang sejahtera dan berpendapatan tinggi.

BIODATA USAHAWAN	
NAMA USAHAWAN	: SIMPUN RANGKANGGUI
ALAMAT	: KG. TOMIS BARU, TAMPARULI, SABAH
NO. TELEFON	: 019 582 5166
BIDANG PERUSAHAAN	: TANAMAN NANAS
PENERIMA BANTUAN RISDA	: BANTUAN AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN TAHUN 2016
TAHUN MULA PERNIAGAAN	: 2007
BILANGAN PEKERJA	: 2 ORANG
NILAI JUALAN TAHUNAN	: RM 72,000.00
NILAI JUALAN BULANAN	: RM 6,000.00



Nurana™

# Mini Murtabak

MURTABAK MINI

## SETIAP KESUSAHAN PADA PERMULAANNYA ADA KESENIANGANNYA DIAKHIRNYA



OLEH : ROHANA BT HJ MOHAMAD RAHIM & NURUL AINI BINTI ANWAR,  
PEJABAT RISDA DAERAH KOTA TINGGI / JOHOR BAHRU / KULAI  
DIEDIT OLEH : NOR ELINA BT DATUK KAMARUDDIN

Dalam kehidupan seharian manusia, kita diberi kekuatan akal dan jasmani untuk menguruskan kelangsungan hidup yang penuh cabaran. Dunia yang dihamparkan Allah Taala menjadi tempat untuk mencari sesuap rezeki bagi memberi kepuasan naluri manusia amnya. Pengalaman bekerja dengan syarikat swasta sebagai Kerani Am Hard Landscape dan Soft Landscape, Juru Wang di stesen minyak dan Penyambut Tetamu memberi peluang dan panduan kepada beliau untuk kerjaya beliau sekarang

Beliau ingin berkongsi secebis penghidupan sebagai seorang usahawan di dalam perniagaan makanan sejuk beku bagaimana mulanya perniagaan ini sebagai kerjaya tetap.

Bermulanya dengan perniagaan kecil-kecilan bermodalkan RM750.00, beliau menjalankan perniagaan ini dari dalam rumah dengan dibantu oleh ibu dan suami tercinta. Memasarkan produk di sebuah pasar awam di pasar Larkin Johor Bahru,

dalam masa 3 bulan produknya telah mendapat sambutan daripada pelanggan. Bermula dari situ, beliau terpaksa menggunakan perkhidmatan pekerja bagi melancarkan pemprosesan produk dan dari situlah juga beliau mendaftarkan perniagaan dengan Syarikat Suruhanjaya Malaysia (SSM).

MELIANAA ENTERPRISE (001789725-K) itulah nama syarikat yang digunakan. Beliau memulakan penempatan perniagaan beliau daripada sebuah tapak garaj kereta berhampiran rumah. Beliau tidak membuat apa-apa pinjaman dari agensi kewangan kerana belum mahu mengambil sebarang risiko.

Pertemuan beliau dengan Pegawai RISDA yang datang ke bengkel perusahaannya, beliau dipelawa untuk menjadi ahli PWPK bagi mendapatkan bantuan yang disediakan oleh RISDA dan kebetulan beliau adalah anak pekebun kecil RISDA melayakkan beliau untuk mendapat Bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan

<b>BIODATA USAHAWAN</b>	
NAMA USAHAWAN	: ROHANA BINTI HJ MOHAMAD RAHIM
ALAMAT SYARIKAT	: MELIANAA ENTERPRISE NO. 48, JALAN BUNGA MAWAR, KG. MAJU JAYA, 81300 SKUDAI, JOHOR BAHRU.
NO.TEL	: 012 740 8076
PENERIMA BANTUAN RISDA	: i. BANTUAN PROGRAM PERLABELAN & PEMBUNGKUSAN TAHUN 2014 ii. BANTUAN AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN TAHUN 2010
BIDANG PERUSAHAAN	: MAKANAN SEJUK BEKU
PRODUK	: MURTABAK MINI DAN ROTI CANAI
TAHUN MULA PROJEK	: 2009
BILANGAN PEKERJA	: 11 ORANG
PENDAPATAN TAHUNAN	: RM 240,000.00
PENDAPATAN BULANAN	: RM 20,000.00

Tahun 2010 sebanyak RM 10,000.00 seperti peralatan peti sejuk beku, mesin pengisar daging, kipas Dan Bantuan Packaging sebanyak RM10,000.00 membuatkan beliau berasa bersyukur yang tidak terhingga. Dengan kursus dan ilmu anjuran pihak RISDA juga banyak membuat anjakan dalam perniagaan beliau. Tidak kurang itu saja, RISDA juga memberi peluang dengan penyertaan dalam karnival seperti Halal Fest, Karnival Usahawan Desa dan MAHA dan daripada situ dapat mempromosikan

produk beliau. Dengan kemudahan dan ilmu-ilmu yang diberikan dapat mengembangkan pasaran beliau ke Syarikat LEGOLAND, pelanggan Singapura dan syarikat Keropok House.

Dalam hal yang demikian, ia telah berjaya menepis kata-kata sinis orang sekeliling yang mengatakan bahawa Orang Melayu Islam hanya pandai menjadi pengguna tanpa memikirkan kaedah untuk mengeluarkan sesuatu produk untuk keperluan umum. Beliau ingin berkongsi dengan apa yang diusahakan ini agar dapat dipanjangkan pada penduduk setempat yang mana boleh meningkatkan pendapatan sampingan sambil membantu keluarga. Selain itu juga yang paling utama melabur untuk hari akhirat iaitu sedekah sebagai imbalan amalan ibadah di akhirat kelak.

Beliau suka melihat Ikon atau Role Model dalam bidang perniagaan yang tidak dapat lari dari bayang-bayang kesusahan ketika mula bertapak dalam bidang perniagaan. Industri Mikro merupakan medium pengenalan kepada ilmu perniagaan sebelum melangkah kepada skop yang lebih besar. Kita sering impikan untuk menjadi seorang peniaga yang kaya raya, yang dapat membeli segala kehendak yang tidak putus-putus tapi sering abaikan pepatah Melayu "Maka sesungguhnya setiap kesusahan ada kesenangan. Sesungguhnya bersama kesusahan itu ada kesenangan". Daripada situ, beliau cuba sedaya upaya saya untuk mengambil ilmu yang baik daripada ikon yang berjaya dalam perniagaan.

Terkini, beliau cuba untuk mempelbagaikan cara penjualan produk dengan menyediakan makanan ini melalui perkhidmatan "siap masak" di mana syarikat-syarikat catering akan menempah produknya untuk majlis-majlis perkahwinan.

Beliau bersyukur kerana dengan perniagaan ini, beliau merasakan sesuatu kepuasan dalam hati. Walaupun tidak semaju syarikat yang gah, tapi dengan menggunakan sumber yang ada dan merebut peluang yang disediakan beliau yakin syarikat beliau akan terus maju dan berjaya pada masa akan datang



## BERFIKIR LUAR KOTAK, RESEPI KEJAYAAN

OLEH: FAKHRUL AZFAR B SA'ADAN@SA'ADON,  
PEJABAT RISDA NEGERI PAHANG

DIEDIT OLEH: NOR ELINA BT DATUK KAMARUDDIN, BPU

BIODATA USAHAWAN	
NAMA USAHAWAN	: SITI HAKIMAH BINTI SHEIKH ABDUL RAHMAN
ALAMAT SYARIKAT	: HAKIMAH BAKERY ENTERPRISE LOT 2/92, BUKIT SEKILAU, 25200 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
NO TELEFON	: 013 963 2118 / 013 915 4858 / 010 927 4870
BIDANG PERUSAHAAN	: MAKANAN – KUIH TRADISIONAL
TAHUN MULA PERNIAGAAN	: 1999
BILANGAN PEKERJA	: 3 ORANG
NILAI JUALAN TAHUNAN	: RM 223,000.00
NILAI JUALAN BULANAN	: RM 13,000.00

Resepi kejayaan utama dalam perniagaan adalah Rajin. Itulah resipi yang diberikan oleh seorang pemilik Hakimah Bakeri, Pn Siti Hakimah binti Sheikh Abdul Rahman. Beliau telah berkecimpung dalam perniagaan ini selama 28 tahun. Tempoh tersebut cukup memantapkan beliau dan arif dalam rencah dan ragam alam perniagaan.

Mula berniaga secara kecil-kecilan bermula dari belakang rumah dengan menjual makanan sejuk beku dan segera seperti temosa, kemudian berjinak-jinak menyewa tapak pasar tani untuk menjual produknya.

Pada tahun 1999, beliau telah mendaftarkan perniagaannya secara rasmi tetapi sebelum itu beliau telah berniaga secara kecil-kecilan kerana minat beliau dalam bidang makanan bermula dari sekolah sehingga sekarang.

"Saya suka melihat apabila orang sekeliling makan biskut dan kuih dan kemudian mereka membalas dengan mengatakan biskut ini sedap", Katanya. Tambahnya lagi Pelanggan suka kuih dan biskut buatannya sehingga bertanya di mana boleh dapatkannya dan dari situlah dia mula menjual secara besar-besaran.



# SATE D'BENUA: SATE WARISAN KELUARGA

OLEH : ROHANA BINTI MUSA, PEMAJU MASYARAKAT RISDA  
DAERAH PONTIAN  
DIEDIT OLEH : NOR ELINA BT DATUK KAMARUDDIN, BPU



Rohana binti Haji Musa, 45 tahun, seorang ibu tunggal yang mempunyai 5 orang anak kini mampu bangga kerana menjadi pemilik tunggal AF Five Enterprise telah menjalankan perniagaan makanan sejuk beku sejak 8 tahun yang lalu. Dengan hanya berkelulusan SPM, beliau kini mampu menjana pendapatan sebanyak RM 42,000.00 setahun melalui perniagaan Sate D'Benua.

Bermula pada tahun 2008, beliau menyambung perniagaan membuat sate yang telah diusahakan oleh kedua orang tuanya dengan berniaga secara kecil-kecilan di tepi jalan Kayu Ara Pasong dengan bantuan anak beliau. Memikirkan anak beliau akan menduduki peperiksaan SPM, beliau mengambil keputusan untuk menjalankan perniagaan sate secara kecil-kecilan untuk memenuhi permintaan masyarakat dan komuniti setempat seperti majlis-majlis keramaian bahkan kenduri-kendara dengan membuat bengkel kecil-kecilan di sebelah rumah beliau.

Kemudian pada awal tahun 2010, beliau mendapati permintaan terhadap sate bagi orang perseorangan dalam kuantiti sedikit untuk makanan segera atau sejuk beku

yang boleh dimasak pada bila-bila masa mula mendapat permintaan yang amat menggalakkan daripada komuniti sekitar. Dengan bermodalkan RM 1,000.00, maka dengan itu, teretusnya idea beliau untuk menghasilkan sate sejuk beku yang boleh dibeli dan dimasak bila-bila masa oleh pelanggan beliau.

Pada permulaannya, beliau menubuhkan perniagaan ini dengan menggunakan modal sendiri kerana beliau kurang pendedahan dalam dunia perniagaan. Tahun demi tahun, perniagaan beliau bertambah baik dengan sokongan daripada agensi yang berkaitan seperti RISDA.

Komitmen beliau dalam menghasilkan sate yang sedap dan enak serta mudah untuk dimakan, menjadi pemangkin kepada peningkatan permintaan terhadap sate sejuk beku yang dijual. Dengan mengikuti kursus perniagaan serta ekspo-ekspo dalam negeri, memberikan beliau peluang untuk mempromosikan dan meluaskan lagi perniagaan beliau ini. Pada tahun 2015, beliau telah dianugerahkan Anugerah Usahawan

## BIODATA USAHAWAN

NAMA USAHAWAN	: ROHANA BT HJ MUSA
ALAMAT SYARIKAT	: AF_FIVE ENTERPRISE (JM0552279-X) NO. T/L PS16, PT. SAPRAN, KAYU ARA PASONG, 82000, PONTIAN, JOHOR
NO. TEL	: 017 701 2956 / 010 501 6300
PENERIMA BANTUAN RISDA	: BANTUAN AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN TAHUN 2010
BIDANG PERUSAHAAN	: MAKANAN SEJUK BEKU
PRODUK	: SATE, JELI KELAPA, ACAR BUAH
TAHUN MULA PROJEK	: 2008
BILANGAN PEKERJA	: 3 ORANG
PENDAPATAN TAHUNAN	: RM 42,000.00
PENDAPATAN BULANAN	: RM 3,500.00

Wanita Harapan Negeri Johor 2015 oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim.

Adat dalam perniagaan, ada ketikanya beliau mengalami kemerosotan dalam perniagaan, namun itu tidak menghalang beliau untuk bangun dan meneruskan perniagaan beliau. Dengan sokongan yang kuat daripada keluarga serta bantuan dari agensi yang terlibat, beliau kini bukan sahaja membekalkan sate sejuk beku tetapi juga menyediakan kuih-muih sejuk beku lainnya seperti karipap, pau, samosa dan sebagainya. Selain itu, beliau turut menerima tempahan catering makanan untuk majlis-majlis kenduri. Sate buatan beliau turut menerima tempahan daripada pusat-pusat peranginan berhampiran terutamanya pada musim cuti sekolah dan perayaan.

Mula berjinak-jinak dengan pemasaran online menggunakan Facebook dan juga aplikasi WhatsApp, beliau berharap dapat meluaskan lagi pasaran perniagaan beliau ini dan seterusnya membuka ruang pekerjaan untuk anak-anak tempatan terutamanya ibu-ibu tunggal seperti beliau.



# PERUSAHAAN PERABOT MENGGUNAKAN KAYU HUTAN

Semasa kebanyakan individu menumpukan aktiviti perniagaan dengan konsep yang sama, seorang anak pekebun kecil di sebuah Pekan Air Panas, Labis di sini telah mengambil risiko yang besar dalam menjalankan perusahaan kayu yang lain dari yang lain. Dengan berbekalkan semangat yang tinggi untuk mencuba sesuatu yang baru, beliau tidak pernah kenal erti putus asa di mana sebelum beliau berada dikedudukan beliau kini, semua dugaan disaat jatuh dan kecewa diharungi dengan penuh tekun. Encik Azah @ Azahari Abdul Jamal nama diberi berumur 36 tahun iaitu pemilik Kayu Warisan Johor yang mula menjalankan perusahaan ini sejak 2013. Siapa sangka tunggul kayu hanyut atau terbiar boleh memberi pulangan lumayan sehingga mencecah ribuan ringgit jika dijadikan sebagai barangan kraf. Tidak hairanlah perusahaannya menjadi tumpuan pelancong yang berkunjung ke kawasan Labis. Encik Azahari dahulunya bekerja sebagai seorang Juruukur di sebuah syarikat swasta di sini. Namun, beliau berpendapat dengan bekerja sebagai Juruukur, beliau tidak dapat memaksimumkan masa beliau kerana bekerja sebagai Juruukur mempunyai banyak masa terluang dan kebanyakan masa tersebut dibuang tanpa dimanfaatkan sehingga beliau terfikir untuk menambah pendapatan dengan masa terluang itu.

Bagi beliau, bidang ini memerlukan tahap kreativiti dan nilai artistik yang tinggi. Jadi tidak hairanlah beliau juga adalah pengumpul dan peminat barangan antik seperti batu lesung lama, pelbagai jenis tempayan lama, kenderaan-kenderaan lama dan lain-lain lagi yang mempunyai



**OLEH : MUHAMMAD AMIR HAMIZAN BIN HAIRUDDIN,  
PEJABAT RISDA DAERAH SEGAMAT**

nilai seni yang tersendiri. Penglibatannya dalam seni kraf dan kayu ini sudah bermula sejak kecil dan beliau terfikir untuk memanfaatkan sumber-sumber semulajadi di sekeliling seperti kayu hanyut untuk dijadikan hasil kraf. Diawal penglibatannya dalam bidang tersebut, beliau berhadapan dengan pelbagai rintangan terutamanya penerimaan masyarakat setempat yang ketika itu masih belum melihat potensi bidang kraf kayu. Kini, beliau mempunyai empat orang pekerja dan dibantu oleh isterinya dalam kerja-kerja pengurusan dan promosi. Pengeluaran beliau amat terhad kerana kebanyakan kerja-kerja dibuat secara manual. Produk-produk ini semakin diminati dan mempunyai pelanggan dari setiap negeri dan permintaan luar negara yang kebanyakan pelanggan beliau terdiri daripada golongan VIP. Ini adalah kerana produk yang dihasilkan mengekalkan konsep semula jadi. Sekurang-kurangnya 8 hingga 10 produk dapat dihasilkan pada setiap bulan.

Katanya, selepas dia berjaya menghasilkan produk seperti perabot dan hiasan laman menggunakan kayu terbuang tersebut, penerimaan dan pemikiran masyarakat setempat juga beransur-ansur berubah dan mula menyokong usahanya itu. Kayu-kayu yang digunakan untuk menghasilkan kraf juga menggunakan kayu-kayu terpilih seperti kayu cengal, merbau, balau dan kulim yang kesemuanya merupakan kayu hanyut. Kayu hanyut ini mampu bertahan lama dan lasak kerana telah mengalami proses evolusinya. Beliau kemudian akan

## BIODATA USAHAWAN

NAMA USAHAWAN	: AZAH@AZAHARI BIN ABD. JAMAL
ALAMAT SYARIKAT	: LOT 5905, JLN SAWAH BARU, PEKAN AIR PANAS, 85300 LABIS, JOHOR.
NO. TEL	: 012-7542897
BIDANG PERUSAHAAN	: PEMBUATAN PERABOT DARI KAYU HUTAN
PRODUK	: PERABOT DAN HIASAN
TAHUN MULA PROJEK	: 2012
BILANGAN PEKERJA	: 8 ORANG
PENDAPATAN TAHUNAN	: RM 96,000.00
PENDAPATAN BULANAN	: RM 8,000.00

mengolah kayu hanyut tersebut daripada satu bahan yang tidak mempunyai nilai kepada produk kraf yang mempunyai nilai estetika dan kesenian yang tinggi. Yang menjadikan produknya lebih unik adalah produk kayu yang dihasilkan menggunakan konsep tanggam dan beliau pernah memenangi tempat pertama kategori hasil rimba di negeri Johor. Pembuat kraf kayu ini juga memerlukan kesabaran yang tinggi kerana setiap bahan asas yang diperoleh harus diteliti dari pelbagai sudut seperti bentuk, saiz dan spesis kayu yang bersesuaian untuk dibentuk menjadi sesuatu produk tertentu. Jadi tidak hairan jika sebiji meja kayu yang telah siap mencecah harga bermula daripada RM5,000.00. Berdasarkan jualan yang dibuat, beliau mampu meraih pendapatan bersih antara RM8,000.00 – RM11,000.00 sebulan.

Beliau berharap usahawan Bumiputera dapat merebut peluang serta menambahkan ilmu perniagaan seiring dengan usaha yang gigih. Kebanyakan usahawan bumiputera sekarang tidak menjalankan kajian yang teliti dalam pelbagai aspek sebelum menjalankan perniagaan yang membuatkan perniagaan mereka tidak dapat bertahan lama.



# USAHAWAN DAERAH KOTA KINABALU DI SAMBUTAN PESTA KAAMATAN PERINGKAT DAERAH TAMPARULI



OLEH : MUHAMMAD SYAFIE B DUALIN, PRD KOTA KINABALU

Sempena sambutan Pesta Kaamatan 2016, acara tahunan sambutan Pesta Kaamatan peringkat Daerah Tamparuli telah diadakan di Padang Pekan Tamparuli. Ia merupakan sambutan bagi mengeratkan perpaduan masyarakat majmuk terutamanya di negeri Sabah. Pejabat RISDA Daerah Kota Kinabalu telah dijemput bersama-sama untuk memeriahkan dan menyertai Pameran Agensi Kerajaan sempena sambutan tersebut.

Pejabat RISDA Daerah Kota Kinabalu telah mengetengahkan pameran Program Bantuan Tanam Semula Getah, Amalan

Pertanian Baik (GAP) serta hasil produk Usahawan RISDA. Gerai Pameran RISDA telah dilawati oleh tetamu istimewa Yang Berhormat Datuk Joniston Lumai @ Bangkuai yang merupakan Pengerusi Lembaga Pelancongan Negeri Sabah merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (N 11) Kiulu.

Program yang berlangsung selama dua hari ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Panglima Madius Tangau, Menteri

Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang juga merangkap Ahli Parlimen (P 170) Tuaran. Program ini telah diakhiri dengan Karnival Creativity & Science 4U 2016 anjuran MOSTI.





# PERCETAKAN DAN PENGIKLAMAN SUMBER REZEKI

**BIODATA USAHAWAN**

**NAMA USAHAWAN** : SYED MUHAMAD ZULHAILI BIN SYED IDRUS  
**NAMA SYARIKAT** : SYED ADVERTISING ENTERPRISE NO: 803, TAMAN AIK MOH, JALAN LINTANG, 31100 SG. SIPUT (U) PERAK.  
**NO. TELEFON** : 019 577 9869  
**EMAIL** : syed-advertising@yahoo.com.my  
**PENERIMA BANTUAN RISDA** : BANTUAN AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN TAHUN 2014  
**BIDANG PERUSAHAAN** : PERKHIDMATAN  
**TAHUN MULA PROJEK** : 2012  
**BILANGAN PEKERJA** : 3 ORANG  
**PENDAPATAN TAHUNAN** : RM 72,000.00  
**PENDAPATAN BULANAN** : RM 6,000.00



**OLEH : NOORHIMAH BT ALIAS,  
PEJABAT RISDA DAERAH KUALA KANGSAR**



Selaras dengan suasana dan cabaran ekonomi global masa kini sudah pasti menuntut agar kita berusaha dengan lebih gigih bagi memenuhi keperluan hidup. Oleh yang demikian usahawan muda Syed Muhamad Zulhaili bin Syed Idrus anak pekebun kecil yang berumur 36 tahun dan berasal dari Sungai Siput (U) Kuala Kangsar Perak, merupakan graduan lulusan Ijazah Sarjana Muda (Senireka Grafik) Universiti Teknologi Mara Shah Alam berazam untuk menjadikan bidang keusahawanan sebagai sumber rezeki.

Setelah tamat pengajiannya dan memperoleh segulung ijazah pada mulanya beliau bekerja dengan syarikat percetakan swasta. Memandangkan dengan pekerjaan ini pendapatan tidak memberansangkan dan tidak boleh pergi lebih jauh, pada tahun 2012 beliau mengorak langkah dengan memulakan perniagaan dalam bidang percetakan dan pengiklanan secara sambilan yang hanya beroperasi di rumah.

Alhamdulillah disebabkan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada

pelanggan maka usahawan ini bertekad untuk meneruskannya secara sepenuh masa dengan bermodalkan RM 2,000.00, tanpa mendapat apa-apa bantuan dari mana-mana agensi.

Disamping pengalaman dan pengetahuan yang ada bagi menambah ilmu, beliau juga telah mengikuti kursus anjuran pihak RISDA dan agensi-agensinya berkaitan. Melalui kursus-kursus seperti ini dapat meluaskan pengetahuan agar perniagaan beliau dapat pergi lebih jauh lagi.

Perniagaan ini baru menjangkau 4½ tahun dan perkhidmatan yang disediakan adalah berupa signboard, printing, off set printing, banner, bunting, t-shirt printing, rubber stamp, wedding card, graphic design, sticker, number plate.

Beliau tidak mengenal jemu dan lelah dan terus bekerja keras agar lebih berdaya maju dan berdaya saing dan bersyukur kerana semakin dikenali dan mendapat kepercayaan dari para pelanggan dan dalam masa yang sama turut mempunyai pelanggan tetap yang sentiasa memberi kepercayaan kepadanya. Diantara

pelanggan-pelanggannya adalah dari pihak sekolah, jabatan-jabatan kerajaan, pihak swasta, IKS dan persendirian.

Walaupun berhadapan dengan beberapa masalah seperti sesetengah perkhidmatan pihak beliau tidak mampu untuk melakukan proses pembuatan kerana ketiadaan mesin dan memaksanya untuk menempah kepada pihak ketiga, keadaan ini tidak mematahkan semangatnya untuk terus mencapai matlamatnya.


Dengan keperihatinan pihak RISDA, pada tahun 2014 pihak RISDA telah menyalurkan bantuan sebanyak RM 10,000.00 berupa mesin dan peralatan melalui Program Aktiviti Ekonomi Tambahan. Dengan adanya bantuan seperti ini dapat memberi suntikan semangat baru kepada beliau untuk meningkatkan pengeluaran dan meluaskan lagi skop perniagaannya secara global.

Segala usaha dan pengorbanan beliau selama ini tidak sia-sia dan telah menjadi kenyataan, seterusnya beliau mampu tersenyum lebar kerana berjaya meraih pendapatan sebanyak RM72,000.00 setahun.

Secara tidak langsung beliau telah berjaya memperoleh pendapatan melebihi sasaran dan sekaligus telah melangkaui objektif RISDA iaitu untuk memperoleh pendapatan RM4,000.00/bulan sekeluarga menjelang 2020.



# 10 ORANG USAHAWAN BIMBINGAN RISDA *Memecah Rekod* GUINNESS WORLD OF RECORDS!



OLEH : NOR ELINA BT DATUK KAMARUDDIN, BPU

Pada 9 April 2016 yang lalu bertempat di Perbadanan Putrajaya telah tercatat sejarah 10 orang usahawan RISDA Negeri Sembilan dan Selangor bersama Pengarah Bahagian Pembangunan Usahawan, Pn Hjh Halimah bt Abd Kadir menyertai acara Paling Ramai Peserta Menjahit Serentak bagi tujuan pemecahan Guinness World Records. Acara ini merupakan langkah pertama dalam pelaksanaan Program Handmade Market. Program telah dirasmikan oleh Ke bawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Almutawakkil Alallah Sultan Iskandar Alhaj anjuran Persatuan Seni Jahitan Kreatif Malaysia.

Objektif pelaksanaan program tersebut adalah untuk membuktikan perpaduan rakyat Malaysia dalam usaha mencipta Guinness World Records yang baru yang saling menyokong antara pemimpin dan rakyat selain bersama-sama memartabatkan kesenian, kecantikan

dan kemampuan fabric batik yang boleh menjadikan sesebuah artikel berestetika tinggi ke persada dunia. Program ini juga mewujudkan peluang keusahawanan yang mementingkan kecemerlangan seimbang antara kerjaya dan keluarga melalui Handmade Market menggunakan konsep 2 bulan menyiapkan produk di rumah dan 5 hari berniaga. Secara tidak langsung membantu golongan ibu tunggal dan kurang berkemampuan berdikari menggunakan kemahiran yang telah dibekalkan bagi menjana pendapatan sendiri.

Sebelum program berlangsung, peserta perlu menghadiri kursus persediaan sebelum dan selepas program diadakan sebanyak 6 siri (menjahit beg menggunakan teknik quilt, batiklicious wristlet dan batiklicious bag) dan semua kos dibiayai pihak RISDA. Kursus telah dibuat di Pusat Latihan Kraftangan Epal cawangan Seremban bagi usahawan Negeri Sembilan dan Pusat Latihan

Kraftangan Epal cawangan Kotaraya untuk usahawan Selangor.

Kesimpulannya, program ini berjaya memecahkan rekod Guinness World of Record bagi "Paling Ramai Peserta Menjahit Serentak" iaitu seramai 606 peserta yang mana rekod sebelum ini dipegang oleh negara China dengan peserta seramai lebih 200 orang

# Usahawan BIMBINGAN RISDA

# HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN PERINGKAT NEGERI KEDAH (HPPNK) 2016



Tarikh : 25 hingga 29 Mei 2016  
 Tempat : Taman Jubli Emas,  
 Jalan Suka Menanti, Alor Setar, Kedah  
 Anjuran : Kerajaan Negeri Kedah  
 Gerai : 1 booth saiz 20' X 20'  
 Sewa Gerai : RM1,000.00/booth  
 dibiayai Bahagian Pembangunan Usahawan,  
 Ibu Pejabat. RISDA

Peserta : Pihak RISDA Kedah memberi mandat kepada RISEC Kedah memilih ahli dan usahawan di bawah bimbingan RISDA mengambil bahagian. RISEC Kedah telah memilih 6 usahawan (AET) baru bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman serta promosi produk mereka dalam program yang besar.

**Usahawan :**

BIL	NAMA	SYARIKAT	PRODUK	ALAMAT	HASIL JUALAN (RM)
1	Mohd Fazli b. Abdullah	FAZLIEZAN ENTERPRISE	Cendol	26, Kg Bukit Patong, Rambai, 06760 Pendang	1,030.00
2	Zuraini bt Abdullah	ZEURA MESRA ENTERPRISE	Air Minuman & Buah	55, Kg Kuala Sin, Bukit Selambau, Kedah	1,236.00
3	Suraya bt Abdullah	S.B.A SUPERBEST ENTERPRISE	Sos Cili, Sos Betik & Kicap	41, Kg Gelong Gajah, Tobiar, 06600 Pendang	50.00
4	Rosilawati bt Saad	RS HEBAT JAYA ENTERPRISE	Makanan Frozen & Biskut	110, Km.4, Jalan Putra, Alor Setar	1,130.00
5	Faridah bt Rashid	HAFFAF ENTERPRISE	Kuih Tradisional & Moden	F21, Kg Banggol Besi, Tanah Merah, 06700 Pendang	1,246.00
6	Hamidah bt Jusoh @ Yusoff	Hamidah bt Jusoh @ Yusoff	Kek, Roti & Biskut	48, Lorong Rambai, Kg Gelong Gajah, Tobiar, 06700 Pendang	2,150.00
<b>Jumlah</b>					<b>6,84200</b>



Catatan : Peserta merasa puas hati menyertai program ini kerana dapat menimba pengalaman dan ilmu dengan meninjau produk-produk agensi lain disamping telah mengedarkan kad-kad niaga dan flyers kepada pengunjung sebagai promosi.



**Lensa Usahawan**  
**Bahagian Pembangunan Usahawan**  
Tingkat 3, Bangunan RISDA KM 7,  
Jalan Ampang, Karung Berkunci 11067, 50990 Kuala Lumpur  
Tel : 03- 4256 4022 Faks: 03-4256 7944  
Email: usahawan@risda.gov.my  
[www.risda.gov.my](http://www.risda.gov.my)

